

D726

U 8800 DEB
PARLIMEN - PERTUBUHAN (BENTANG)

KUALA LUMPUR, 18 MAC (BERNAMA) -- AKTA PERTUBUHAN 1966 TERPAKSA DIPINDA KERANA BEBERAPA PERUNTUKANNYA TIDAK LAGI SESUAI DENGAN PERUBAHAN MASA DAN SUKAR DIAMALKAN OLEH SESEBUAH PERTUBUHAN YANG BESAR TERMASUK KEPERLUAN MENGAWAI KEGIATAN SEMUA AHLI DAN CADANGAN SUPAYA SEMUANYA MEMATUHI UNDANG-UNDANG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KETIKA BERUCAP MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN) DI DEWAN RAKYAT HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MUSTAHIL DAN TIDAK PRAKTIKAL BAGI MANA-MANA IBU PEJABAT PERTUBUHAN YANG MEMPUNYAI BERIBU-RIBU CAWANGAN DAN BERJUTA ANGGOTA MENGAWASI SEMUA KEGIATAN CAWANGAN DAN ANGGOTA SEPANJANG MASA.

BELIAU MENJELASKAN PERUNTUKAN 12 AKTA BERKENAAN BERMAKSUD JIKA MANA-MANA CAWANGAN SESUATU PERTUBUHAN MENYALAHAI UNDANG-UNDANG SEHINGGA IA DIHUKUM TIDAK SAH, MAKA PERTUBUHAN INDUK JUGA AKAN MENJADI TIDAK SAH DAN DENGAN ITU SEMUA CAWANGAN YANG SAH MENJADI TIDAK SAH.

TANPA PENGAWASAN YANG RAPI, MAKA KEMUNGKINAN AMALAN YANG SALAH DIBUAT DI PERINGKAT CAWANGAN AMATLAH BESAR DAN CAWANGAN-CAWANGAN INI MUNGKIN DIHARAMKAN, KATA BELIAU.

DENGAN ITU, MENGIKUT PERUNTUKAN BERKENAAN SEKARANG, SELURUH PERTUBUHAN DIHARAMKAN, KATA BELIAU. -- LAGI
2039MST 18 03 88

U 8807 DEB
PARLIMEN - PERTUBUHAN (BENTANG) 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA OLEH ITU PINDAAN MENCADANGKAN MENJADIKAN HANYA CAWANGAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG SAHAJA DAN BUKANNYA KESELURUHAN PERTUBUHAN ITU MENJADI TAK SAH, JIKA SESEBUAH CAWANGANNYA DITUBUHKAN TANPA TERLEBIH DAHULU MENDAPAT KEBENARAN PENDAFTAR.

KATANYA PERUNTUKAN YANG SAMA TERDAPAT DALAM AKTA PERTUBUHAN DI SINGAPURA DAN ORDINAN PERTUBUHAN DI HONG KONG.

PERDANA MENTERI SELANJUTNYA BERKATA AKTA ITU DIPINDA KERANA PENGHARAM SESEBUAH PERTUBUHAN YANG BESAR YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN POLITIK NEGARA DAN KERAJAAN SEPerti YANG BERLAKU BARU-BARU INI MEMBAWA IMPLIKASI YANG AMAT LUAS YANG TIDAK BOLEH DISELESAIKAN DALAM MASA BERPULUH TAHUN.

KATANYA PENYELESAIAN MENJADI LEBIH SUKAR LAGI APABILA BERLAKU PERSELISIHAN FAHAM ANTARA AHLI-AHLI PERTUBUHAN DAN APA SAHAJA YANG DIBUAT BAGI MENGATASI MASALAH YANG TIMBUL BOLEH DICABAR DI MAHKAMAH.

BELIAU BERKATA DENGAN INI HAK MAJORITI AHLI AKAN TERJEJAS OLEH KERANA SEORANG DARIPADA SEJUTA AHLI TIDAK MAHU MENERIMA PENYELESAIAN.

+KEADAAN DI MANA SEORANG AHLI BOLEH MENGUGUT ATAU +HOLD TO RANSOM+ SEJUTA AHLI LAIN AMATLAH TIDAK ADIL,+ KATA BELIAU. -- LAGI
2148MST 18 03 88

U 8808 DEB
PARLIMEN - PERTUBUHAN (BENTANG) 3 KUALA LUMPUR

BAGI MENGATASI KEADAAN ITU, SEKSYEN 17 DIPINDA UNTUK MEMBERI KUASA KEPADA PENDAFTAR PERTUBUHAN DAN PEGAWAI PEMEGANG HARTA MEMBUAT URUSAN DENGAN BADAN PENGELOLA, PEMEGANG-PEMEGANG JAWATAN DAN KERJA SESUATU PERTUBUHAN YANG DIBATALKAN.

PINDAAN JUGA MEMPERUNTUKAN ORANG-ORANG TERSEBUT, DALAM MEMBERI APA-APA BANTUAN BERKAITAN URUSAN ITU, TIDAK AKAN DIDAKWA ATAS SUATU KESALAHAN DI BAWAH PELBAGAI PERUNTUKAN INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH SETERUSNYA, BAGI PARTI POLITIK YANG MEMPUNYAI RATUSAN RIBU BAHKAH LEBIH BERJUTA AHLI YANG MEMPUNYAI CAWANGAN DIHAMPIR SETIAP KAMPUNG DAN BANDAR.

IA JUGA MEMILIKI PELBAGAI JENIS HARTA TERMASUK BANGUNAN KECIL DAN BESAR, SAHAM DALAM BERPULUH SYARIKAT DAN ANAK SYARIKAT, SIMPANAN DALAM BANK, HUTANG KEPADA PELBAGAI BANK DAN CAWANGAN-CAWANGAN BANK, PEKERJA-PEKERJA YANG BERGAJI, SEWAAN BANGUNAN, PENGARAH DAN PENGURUS YANG MEWAKILI PERTUBUHAN DALAM BERBAGAI SYARIKAT.

INI AMAT MENYUKARKAN PENDAFTAR PERTUBUHAN DAN PEGAWAI PEMEGANG HARTA MELAINKAN JABATAN-JABATAN INI MENAMBAH BILANGAN KAKITANGAN MEREKA DENGAN BERIBU-RIBU ORANG. -- LAGI
2152MST 18 03 88

U 8809 DEB
PARLIMEN - PERTUBUHAN (BENTANG) 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, DALAM KEADAAN SEKARANG JABATAN-JABATAN INI TIDAK MUNGKIN MENGURUS DAN MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA MENGIKUT YANG DIPERLUKAN OLEH UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN.

BELIAU BERKATA SATU LAGI MASALAH IALAH MENGENAI DAN MENENTUKAN SIAPA ANGGOTA DAN SIAPA YANG BERHAK SERTA SIAPA YANG TIDAK PUN MENJADI ANGGOTA AMAT SUKAR.

KATANYA, PEGAWAI PEMEGANG HARTA YANG DITUGASKAN UNTUK MENTADBIR HARTA SESEBUAH PERTUBUHAN YANG TELAH DIHARAMKAN TERPAKSA MENGAMBIL MASA YANG AMAT PANJANG, MUNGKIN BERPULUH TAHUN, UNTUK MENYELESAIKAN SEGALA TUNTUTAN.

DALAM MASA ITU, HARTA DI BAWAH JAGAANNYA DAN HUTANG PIUTANG YANG PERLU DIURUSKAN, AKAN MENJADI BEBAN YANG LEBIH BERAT KEPADANYA, TAMBAHNYA.

SEBENARNYA, JABATAN PEMEGANG HARTA TIDAK BERKEUPAYAAN DARIPADA SEGI TENAGA MANUSIA MENTADBIR HARTA DAN HUTANG YANG BERJUMLAH RATUSAN JUTA YANG BERKECAMUK DI SEGENAP PELOSOK NEGARA, KATANYA LAGI.

BELIAU BERKATA SEBENARNYA APA YANG DICADANGKAN DALAM PINDAAN INI BUKANLAH SATU PERKARA YANG LUAR BIASA. PERDAMA MENTERI JUGA BERKATA PERTUBUHAN KEBAJIKAN ORANG-ORANG INDIA SEMENYIH SELANGOR DAN KELAB SUKAN SEPAKAT SETIA PERUNDING DIBATALKAN PENDAFTARANNYA OLEH PENDAFTAR PERTUBUHAN DAN PERTUBUHAN BARU YANG SAMA NAMANYA TELAH DIDAFTARKAN DAN HARTA KEDUA-DUA PERTUBUHAN TERSEBUT DIPINDAHKAN KEPADA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BARU INI. -- LAGI
2154MST 18 03 88

U B810 DEB
PARLIMEN - PERTUBUHAN (BENTANG) 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, APA YANG DILAKUKAN MELALUI PINDAAN UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN YANG DICADANGKAN SEKARANG IALAH UNTUK MENJELASKAN LAGI CARA YANG HARUS DILAKUKAN UNTUK MENTADBIR DAN MENGURUSKAN HARTA-HARTA DAN HUTANG PIUTANG SESEBUAH PERTUBUHAN APABILA PENDAFTARANNYA DIBATALKAN.

BELIAU BERKATA DENGAN INI PINDAAN INI ADALAH DIASASKAN KEPADA CARA YANG TELAH DILAKUKAN BERKENAAN DENGAN PEMBATALAN PENDAFTARAN BEBERAPA KES YANG SAMA SEBELUM INI.

DI SAMPING ITU PINDAAN INI MENJADI PENTING KERANA JABATAN PEMEGANG HARTA TIDAK MAMPU UNTUK MENTADBIR HARTA DAN HUTANG PIUTANG SESEBUAH PERTUBUHAN YANG BESAR, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA
2158MST 18 03 88